

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN ER TECK HWA
(BAKRI)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 07.03.2017

Y.B. TUAN ER TECK HWA [BAKRI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai jumlah syarikat dan pertubuhan NGO yang melaksanakan pembayaran GST dari tahun 2015 dan 2016, berapa syarikat yang dikompaun dan juga berapa dilepaskan bayaran mengikut setiap negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah GST mana-mana entiti sama ada syarikat atau NGO yang menjalankan perniagaan dan membuat pembekalan bercukai serta mencapai ambang nilai jualan tahunan sebanyak RM500,000 perlu berdaftar dan mengenakan GST

ke atas pembekalannya. Sehingga 21 Februari 2017, sebanyak 435,809 entiti telah berdaftar GST dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

Berhubung dengan kompaun, secara keseluruhannya, sebanyak 37,556 kompaun telah dikeluarkan bagi tempoh bermula 1 April 2015 sehingga 17 Februari 2017. Negeri Johor mencatat bilangan tertinggi dengan pengeluaran kompaun sebanyak 8,104, diikuti oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebanyak 5,036 kompaun dan Selangor sebanyak 4,707 kompaun. Kompaun yang dikeluarkan oleh JKDM adalah melibatkan kesalahan berikut:

1. Kesalahan berkaitan mempamerkan harga barangan yang tidak selaras dengan peruntukan Seksyen 9, Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014, iaitu hendaklah termasuk bayaran GST yang dikenakan;
2. Kesalahan berkaitan invois cukai di bawah Seksyen 33, Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014;
3. Kesalahan berkaitan kegagalan menghantar penyata dan membayar GST di bawah Seksyen 41, Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014; dan
4. Kesalahan berkaitan pendaftaran GST di bawah Seksyen 184, Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014.